

KENYATAAN MEDIA

DATO' IR ZOHARI DILANTIK SEBAGAI PENGARAH PROJEK MRT LALUAN LINGKARAN

*Pengalaman luas menjadi aset, projek akan
dijalankan menggunakan sistem kontraktor
tunggal*

Kuala Lumpur, 3 Januari 2018: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengalu-alukan Dato' Ir Zohari Sulaiman sebagai Pengarah Projek bagi MRT Laluan Lingkaran, laluan ketiga bagi Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Shahril Mokhtar, pengalaman dan pengetahuan luas yang dimiliki oleh Zohari dalam industri rel merupakan satu kelebihan bagi projek itu memandangkan laluan ketiga MRT akan dijalankan tanpa peranan Rakan Pelaksana Projek kali ini.

"Zohari telah berada di dalam industri ini selama lebih 36 tahun. Latar belakang beliau dalam kejuteraan keretapi, penyelenggaraan, pembaikpulihan, keselamatan teknikal serta pengalaman beliau dalam operasi rel berat dan rel ringan sangat penting kerana rangkaian MRT terus berkembang di Lembah Klang," kata beliau.

Menurut Shahril, pengalaman luas yang dimiliki oleh beliau merupakan aset penting kerana MRT Laluan Lingkaran akan dibangunkan berdasarkan model kontraktor tunggal, dan ini akan memerlukan penyeliaan langsung terhadap pembinaan dan keselamatan projek itu.

Terdahulu, pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) dijalankan oleh Rakan Pelaksana Projek secara langsung menyelia pembinaan bahagian bertingkat projek.

Sebelum menyertai MRT Corp, Zohari merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat kepada Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana). Semasa berkhidmat di Rapid Rail, Zohari mempunyai pengalaman sendiri dengan Projek MRT Lembah Klang apabila Rapid Rail dilantik menjadi pengendali MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang di mana pembinaan telah siap pada bulan Julai 2017.

Di Prasarana, Zohari juga telah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Rail and Infrastructure Projects Sdn Bhd (PRAISE), di mana beliau



bertanggungjawab dalam pembangunan Bas Rapid Transit (BRT) dan Projek Sambungan Laluan bagi Laluan Ampang/Sri Petaling dan Laluan Kelana Jaya.

Sebelum mengetuai Bahagian ini, beliau merupakan Pengarah Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus Sdn Bhd.

Zohari telah memulakan kerjayanya dalam industri keretapi di mana beliau telah menyertai Keretapi Tanah Melayu Bhd pada tahun 1982.

Pada tahun 1995, Zohari telah menyertai Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR-LRT) di mana beliau adalah sebahagian daripada pasukan yang mengendalikan sistem LRT yang pertama di Malaysia, kini dikenali sebagai Laluan Ampang dan Laluan Sri Petaling. Di STAR-LRT, beliau melaksanakan operasi dan latihan kejuruteraan.

Setahun kemudian, beliau menyertai Projek Usahasama Transit Aliran Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA-LRT) di mana beliau menjadi Pengurus Besar Kejuruteraan. PUTRA-LRT kemudiannya diambil alih oleh Prasarana pada tahun 2002 dan dinamakan semula sebagai Laluan Kelana Jaya.

Zohari memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari University of John Moores, Liverpool, United Kingdom. Beliau adalah Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

Beliau kini memegang pelbagai keahlian dalam beberapa organisasi, iaitu Ahli Korporat Institusi Jurutera Malaysia, Fellow Permanent Way Institution (UK) dan Ahli Berkanun Institute of Logistics & Transport (M).

MRT Laluan Lingkaran adalah sepanjang 40km, di mana 32km adalah bawah tanah. Laluan ini akan mempunyai 26 stesen. Laluan, yang akan melalui sekitar pinggir pusat bandar Kuala Lumpur, akan menghubungkan semua rangkaian rel bandar Lembah Klang, memperluaskan liputannya dengan ketara dan memberikan mobiliti yang lebih besar kepada penumpang.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Mr Leong Shen-li

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

Amalina Ghazali

016-2154055/amalina.ghazali@mymrt.com.my